



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Seri Paduka Sultan Perak Darul Ridzuan yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi jawatan-jawatan berikut:-

Bil. Jawatan	Jawatan	Kekosongan	Taraf
1.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	1	Kontrak

Syarat Lantikan

Keterangan lanjut mengenai syarat lantikan jawatan kosong yang diiklankan boleh didapati di laman web rasmi Majlis Daerah Pengkalan Hulu : www.mdph.gov.my

Cara Memohon

Semua permohonan hendaklah menggunakan borang **(MDPH.JKP-1/2018)** yang boleh dimuat turun (download) melalui laman web rasmi dan Facebook Majlis Daerah Pengkalan Hulu secara **PERCUMA**

Semua dokumen hendaklah dihantar kepada:

**Yang Dipertua
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Wisma Kroh, Jalan Sri Adika Raja,
33100 Pengkalan Hulu,
Perak Darul Ridzuan.**

Tarikh tutup permohonan : **29 November 2019**

Catatan Am

1. Semua salinan Kad Pengenalan/Sijil Lahir/Sijil Kelayakan Akademik hendaklah disahkan oleh Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Professional.
2. Hanya calon yang layak selepas melepasi tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
3. Borang yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat akan ditolak.
4. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.

Jawatan : Penolong Pegawai Penguatkuasa KP29

Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Taraf Jawatan : Kontrak
Gred dan Jadual Gaji : KP29 : RM 1,493.00 – RM 5,696.00
Kenaikan Gaji Tahunan : RM 145.00

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA
GRED KP29**

- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29: RM 1,493.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,493.00); atau
- (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,770.95); atau
- (iv) Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred KP29 : RM 1,846.15)

(d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pacaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.